

26/12/1998

TIP harapan baru mangsa HIV, Aids

Dewi Murni Mohamed

WABAK HIV kini menular hampir ke seluruh Asia, khususnya Asia Selatan dan Asia Timur berasaskan data terbaru yang menunjukkan tujuh juta orang sudah dijangkiti Aids.

Perangkaan di negara ini pula menunjukkan seramai 27,405 individu disahkan sebagai pembawa HIV manakala 1,974 menghidap Aids sejak 1986, termasuk 3,403 individu yang dikesan menghidapnya tahun ini sehingga September lalu.

Walaupun data yang dipaparkan mungkin tidak menunjukkan angka sebenar penghidap Aids yang disahkan di negara ini kerana masih ada kes tidak dilaporkan, ia penting bagi menentukan status penularan penyakit itu setakat ini.

Menerusnya, pihak yang bertanggungjawab dapat menentukan jenis program yang sesuai dalam usaha membendung wabak itu terus menjangkiti individu tidak berdosa seperti bayi, kanak-kanak dan isteri menjadi mangsa.

Ini kerana perangkaan terkini menunjukkan kes baru wanita dijangkiti Aids di seluruh dunia ialah seramai 2.1 juta manakala kanak-kanak seramai 590,000 dengan jumlah kematian lebih sejuta orang.

Ikuti perkembangan terbaru Majlis Aids Malaysia (MAM) bersama Datin Paduka Marina Mahathir mengenai projek terbarunya yang julung kali diadakan di rantau ini iaitu Projek Maklumat Rawatan (TIP).

Perangkaan yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat MAM sehingga September lalu menunjukkan kegiatan homoseksual dan biseksual menduduki tangga keempat dalam punca jangkitan HIV/Aids di negara ini.

Bagi kedua-dua kegiatan itu, seramai 279 atau 1.02 peratus daripada 27,405 dicatat sebagai pembawa virus HIV manakala seramai 46 atau 2.33 peratus daripada 1,974 dikesan menghidap Aids.

Walaupun penagihan dadah masih menjadi punca utama merebaknya wabak terbabit di negara ini dengan HIV mencatat seramai 20,968 manakala Aids seramai 1,094, perkembangan terbaru itu amat membimbangkan.

Ini kerana ada faktor baru seperti homoseksual yang berpotensi sebagai punca utama jangkitan penyakit itu pada masa depan, jika tiada usaha bersepadu membabitkan semua pihak diambil bukan saja bagi membendung tetapi penularannya harus dibasmi.

Setakat ini, selain Kementerian Kesihatan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang paling aktif dalam aktiviti itu ialah Majlis Aids Malaysia (MAM) yang turut mengadakan program membantu pesakit Aids meneruskan kehidupan.

Malangnya, walaupun pelbagai program kesedaran diadakan, angka kematian akibat HIV/Aids terus meningkat setiap tahun dengan jumlah terbaru dicatatkan 443 berbanding 408 tahun lalu.

Menyedari perkembangan yang tidak menyenangkan ini, Marina percaya masih ada jalan yang belum diteroka oleh MAM bagi membendung virus itu.

"Saya yakin, kita belum mengambil semua langkah perlu bagi membendung HIV/Aids kerana ia bukan ancaman utama kita seperti negara lain yang mana penyakit itu diumpamakan malaikat maut yang boleh menghapuskan tamadun manusia."

"Keberkesanan program pencegahan dan penerangan yang tersusun membabitkan semua lapisan masyarakat sama ada kanak-kanak, remaja atau dewasa adalah kunci kepada kejayaan kita membendung Aids di negara ini," katanya.

Sehubungan itu, MAM kini memperkenalkan program baru iaitu Projek

Maklumat Rawatan (TIP) bagi membantu mangsa HIV/Aids yang dijalankan secara usaha sama iaitu dengan geran pembiayaan oleh Merck, Sharpe dan Dohme.

Marina berkata, TIP berbeza berbanding program lain kerana ia menawarkan kaunseling dan terapi terperinci mengenai kesihatan merangkumi jenis ubat, kaedah rawatan, simptom, penjagaan fizikal dan mental yang mesti diketahui oleh pesakit Aids.

"Saya mencadangkan TIP menjadi khidmat sokongan utama kepada kebanyakan pesakit dan mangsa Aids bagi meneruskan kehidupan mereka dengan lebih yakin dan normal."

"Ini sesuai dengan misinya iaitu membekalkan maklumat yang sesuai dan bermutu mengenai HIV dan Aids, pengurusan kesihatan dan rawatan, kepada mangsa Aids dan sesiapa yang terbabit secara langsung bagi penjagaan dan sokongan," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Menurutnya, Aids bukan tanda noktah kehidupan seseorang tetapi detik permulaan kepada hidup yang lebih tabah, berani dan yakin menempuh sebarang cabaran apabila mereka melengkapkan diri dengan maklumat yang memadai.

"Kebanyakan mangsa HIV/Aids bukan atas kehendak mereka kerana perangkaan turut menunjukkan pemindahan darah dan ibu mengandung turut menjadi punca kepada peningkatan kes baru Aids setiap tahun," katanya.

TIP menggariskan lima sasaran yang perlu dicapai iaitu:

- * Maklumat dan kaunseling mengenai kaedah rawatan mengikut jenis jangkitan HIV;

- * Maklumat dan kaunseling mengenai pengurusan kesihatan HIV;

- * Maklumat mengenai penjagaan HIV, sokongan dan khidmat perubatan, doktor dan pengamal perubatan yang ada di negara ini;

- * Latihan dan nasihat kepada NGO, pekerja dan sukarela yang terbabit dalam pengurusan kesihatan HIV dan isu pengendalian;

- * Nasihat dan sokongan kepada NGO yang terbabit dalam polisi dan perundangan yang berkaitan dengan rawatan dan penjagaan serta perkhidmatan.

Jawatankuasa TIP dipengerusikan Pakar Penyakit Berjangkit dari Hospital Universiti, Dr Adeeba Kamarulzaman; Setiausaha Agung, Hisham Hussein; Perunding dari Hospital Kuala Lumpur (HKL), Christopher Lee; Pengurus Produk MAM, A N Devi; Pengarah Urusan Pink Triangle, Jullian Jayaseelan dan Pegawai Rawatan, Dhanoa Calder.

Marina berkata, TIP dipercayai berkesan kerana kadar kematian akibat Aids di negara yang melaksanakan projek seumpama itu menurun sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Menurutnya, negara seperti Amerika Selatan dan Eropah Barat yang mengamalkan kombinasi baru dalam program rawatan mereka iaitu anti-ubat HIV menampakkan tanda positif apabila kematian akibat Aids berkurangan.

"Perangkaan tahun lalu menunjukkan kadar kematian akibat Aids di Amerika Syarikat adalah yang paling rendah sepanjang abad ini iaitu hampir dua pertiga daripada jumlah dua tahun lalu," katanya.

Justeru, katanya, menerusi TIP, kebanyakan pesakit Aids yang membabitkan profesional dapat dibantu supaya mereka mampu meneruskan kehidupan dengan produktif tanpa berasa terasing.

"Ini kerana pesakit Aids akan dilatih supaya tidak bergantung 100 peratus kepada ubat, sebaliknya mengamalkan kaedah rawatan yang boleh dilakukan sendiri di rumah selain terapi mental," katanya.

TIP juga adalah khidmat alternatif pesakit Aids yang menghadapi masalah kewangan kerana ia dapat mengurangkan kos rawatan dan ubat yang mahal, khususnya ketika kegawatan ekonomi sekarang.

Selain membantu pesakit, ia turut mengurangkan kos pengurusan pesakit Aids di negara ini apabila hospital tidak perlu mengadakan wad dan katil

khas untuk pesakitnya lagi.

(END)